

TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA

SESI BERSAMA PRESIDEN
27 JANUARI 2026 (SELASA)
9.30 PAGI
AUDITORIUM ANGKASA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, salam sejahtera, salam
Malaysia Madani dan Salam Koperasi.

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan izin-Nya kita dapat berkumpul pada hari ini dalam Sesi Bersama Presiden kali pertama bagi tahun 2026.

2. Saya mengalu-alukan kehadiran semua kepimpinan, pengurusan dan kakitangan ANGKASA serta anak syarikat, baik di peringkat pusat mahupun negeri.

3. Pertemuan pada awal tahun seperti ini merupakan ruang muhasabah, ruang memperbetulkan hala tuju dan ruang untuk kita bertanya dengan jujur kepada diri sendiri: ke mana kita ingin membawa ANGKASA, dan sejauh mana kesediaan kita untuk berubah, memperbaiki dan memperkukuh organisasi ini.

4. Memasuki tahun baharu bermakna kita membuka lembaran baharu dalam perjalanan ANGKASA. Tahun 2025 telah kita tinggalkan dengan pelbagai cabaran dan pencapaian. Segala kejayaan dan kegagalan itu bukan untuk diraikan atau dikesali semata-mata sebaliknya dijadikan

pedoman dan pengajaran agar langkah kita pada tahun 2026 lebih tersusun, lebih berstrategi dan lebih berani.

Warga ANGKASA yang saya kasihi,

5. Sebagai organisasi puncak gerakan koperasi, ANGKASA tidak boleh selesa dengan pencapaian sedia ada. Jangkaan masyarakat dan pemegang taruh semakin tinggi. Mereka menuntut kecekapan, ketelusan, keberkesanan dan impak yang nyata. Justeru setiap perancangan dan pelaksanaan program mesti berpaksikan visi, misi dan objektif strategik organisasi, bukan digerakkan secara terpisah atau bersifat rutin semata-mata.
6. Sesi Bersama Presiden pada hari ini juga membawa pendekatan yang berbeza. Kita tidak lagi mahu budaya satu hala yang hanya mendengar

amanat tanpa kefahaman menyeluruh. Sebaliknya, kita memberi ruang kepada pembentangan oleh para Pengurus mengenai pencapaian Sasaran Strategik ANGKASA atau SSA.

7. Pendekatan ini lahir daripada satu prinsip yang jelas: organisasi yang berjaya ialah organisasi yang difahami oleh seluruh warganya. SSA bukan hanya dokumen eksklusif pengurusan atasan semata-mata. Semua warga kerja, tanpa mengira jawatan dan peringkat, mesti faham ke mana arah yang ingin kita tuju dan apakah sasaran yang sedang kita kejar bersama.

8. Sehubungan itu, Pengurus Besar Kanan Kumpulan Hubungan Strategik akan menerangkan dengan lebih terperinci apakah yang dimaksudkan dengan Sasaran Strategik ANGKASA ataupun SSA, sandarannya kepada pelan dan hala tuju organisasi, serta

kepentingan SSA sebagai panduan utama dalam menilai prestasi dan keberkesanan pelaksanaan strategi organisasi.

9. Seterusnya, kita akan mendengar pembentangan pencapaian tahun 2025 dan sasaran 2026 daripada Pengurus Seksyen setiap Bahagian. Pembentangan ini satu cerminan sejauh mana perancangan kita diterjemahkan kepada hasil dan impak sebenar.
10. Pendekatan ini juga penting bagi membolehkan kita menilai dengan lebih objektif di mana keberadaan organisasi kita pada masa ini khususnya dari sudut prestasi kewangan dan perniagaan. Melalui pembentangan yang dibuat kita dapat melihat dengan jelas kekuatan, jurang serta risiko yang dihadapi di samping menilai sama ada langkah-langkah mitigasi yang telah

dilaksanakan sebelum ini benar-benar berkesan. Sekiranya masih terdapat kelemahan atau cabaran yang berterusan maka inilah masanya untuk kita mengenal pasti langkah seterusnya yang lebih tepat dan bersifat proaktif demi memastikan kelangsungan dan kestabilan organisasi.

Warga ANGKASA yang saya kasihi,

11. Untuk makluman semua, bagi tahun 2026, ANGKASA telah menetapkan lima Hala Tuju Utama berbanding enam pada tahun sebelumnya. Penyusunan semula ini dibuat bagi memastikan fokus yang lebih jelas, pelaksanaan yang lebih berkesan serta penggunaan sumber yang lebih optimum.

12. Lima Hala Tuju ANGKASA 2026 tersebut merangkumi Transformasi

Perniagaan dan Kewangan ANGKASA serta Gerakan Koperasi, Pendigitalan ANGKASA, Tadbir Urus dan Akauntabiliti, Perluasan Rangkaian Strategik dan Kerjasama Antarabangsa, serta Pemerkasaan Modal Insan dan Kepimpinan Koperasi.

13. Selain hala tuju tersebut, perancangan dan pelaksanaan SSA juga digerakkan atas dua peringkat kewajaran, iaitu peringkat ANGKASA dan peringkat Gerakan Koperasi. Pendekatan dua peringkat ini memastikan peranan ANGKASA sebagai organisasi puncak dan peranan koperasi di lapangan dapat digerakkan secara seimbang dan saling menyokong.

14. Di bawah setiap peringkat kewajaran ini pula terdapat empat teras utama yang menjadi landasan kepada tindakan dan pencapaian sasaran, iaitu teras ekonomi, ekosistem, tadbir urus dan inovasi. Keempat-

empat teras ini menjadi ukuran utama dalam menilai kemajuan dan impak pelaksanaan strategi ANGKASA yang bakal dilaksanakan.

15. Justeru saya ingin menegaskan bahawa setiap Seksyen, Bahagian dan Anak Syarikat ANGKASA perlu memastikan sasaran kerja masing-masing selari dengan SSA, lima hala tuju ANGKASA 2026 serta teras-teras yang telah ditetapkan. Penyelarasan ini amat penting bagi mengelakkan pertindihan, pembaziran sumber dan pelaksanaan yang tidak fokus.

16. Saya juga berharap sesi pembentangan pada hari ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya sebagai ruang pembelajaran bersama, perkongsian maklumat dan pengukuhan kefahaman. Budaya kerja berasaskan data, sasaran dan hasil perlu terus menjadi norma baharu dalam organisasi ini.

17. Dengan kefahaman yang jelas terhadap hala tuju dan sasaran strategik organisasi, saya yakin warga kakitangan mampu menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan dan seterusnya melonjakkan ANGKASA ke tahap yang lebih cemerlang, berintegriti dan berdaya saing.

Wabillah Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.